

Jambatan runtuh

Peneroka pulang lawat anak dari Melaka terkandas di tengah jalan

>>Oleh Nor Hairulnizam Wahid
hairulnizam@hmetro.com.my

ROMPIN: "Saya tak tahu macam mana nak balik ke rumah kerana jalan utama ditenggelami air, tambahan pula saya diberitahu jambatan ke Felda kami turut runtuh," kata peneroka Felda Selancar 3, Norman Salihan, 51.

Norman yang baru pulang melawat anaknya di Melaka, terkejut apabila mendapati jalan masuk ke Felda berkenaan ditenggelami air, petang semalam.

Tinjauan Harian Metro mendapati, jalan utama ke kawasan itu yang terletak tidak jauh dari pondok polis ditenggelami air yang mengalir deras menyebabkan sebahagian jalan runtuh.

Menambahkan derita penduduk kawasan itu, jambatan sepanjang lebih 10 meter merentangi Sungai Pukin yang

terletak tidak jauh dari laluan air itu turut runtuh menyebabkan 30,000 penduduk Felda Selancar 1 hingga 3 terputus hubungan.

Hujan tanpa henti sejak beberapa hari lalu dikatakan menjadi punca jambatan konkrit itu runtuh kira-kira jam 3 pagi semalam.

Norman berkata, sejak 20 tahun tinggal di Felda itu, inilah kali pertama mereka dilanda bencana alam seperti itu.

Bagi suri rumah, Fazilah Mohd, 27, yang berhajat menghantar adiknya ke rumah ibu, dia hanya mampu melihat jalan ke rumah ibunya ditenggelami air dan tidak boleh dilalui.

Dia yang datang dari Segamat, Johor, terkejut apabila melihat arus deras dan jalan itu ditutup atas sebab keselamatan.

"Lebih malang, saya terlupa membawa telefon bimbit dan



FOTO | Nordin Abdullah dan Bernama

BAHAYA...dua penunggang motosikal melalui jambatan Sungai Lembing yang hampir tenggelam.

BIMBANG...penduduk Felda Selancar melihat jambatan yang runtuh, semalam.

tidak tahu bagaimana nasib ibu di sana.

"Mungkin saya terpaksa pulang ke Segamat," katanya yang turut mengakui keadaan di Segamat tidak jauh berbeza dengan di Felda itu.

Sementara itu, Harian Metro difahamkan, laluan masuk ke Felda itu akan ditutup sepenuhnya bagi mengha-

lang orang ramai menggunakan.

Ketika ini, penghadang jalan serta papan tanda amaran banjir dipasang sebagai peringatan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan laluan terbabit.

Tinjauan turut mendapati paras air di beberapa kawasan sungai dan paya di sekitar

Jalan Kuantan-Segamat mula melimpah menyebabkan kawasan ladang kelapa sawit ditenggelami air.

Malah, difahamkan beberapa jambatan di Jalan Kuantan-Segamat akan ditutup kepada lalu lintas jika paras air terus meningkat sehingga menenggelamkan jambatan itu.

>Korban pertama banjir

KUANTAN: Seorang pelajar tingkatan tiga yang sedang menunggu keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) menjadi korban pertama banjir di negeri ini selepas tergelincir dalam arus deras di hadapan rumahnya di Felda Bukit Kuantan, dekat sini, petang semalam.

Mangsa, Nor Hishamuddin Musa, 15, yang dijangka mengambil keputusan PMR di Sekolah Menengah Bukit Goh, dekat sini, pada 28 Disember ini, lemas selepas terjatuh ke dalam parit sedalam hampir dua meter ketika bermain di kawasan itu, kira-kira jam 4 petang.

Dia bersama kembarnya, Nor Shamsudin Musa, 15, dan rakan, Aidi Zainal Awang Chik, 12, dikatakan cuba melihat limpahan air yang begitu deras di parit itu yang tidak pernah berlaku sebelum ini.